



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KEDUA 2020**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
SECOND QUARTER 2020*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KEDUA 2020**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pada suku kedua (Q2) 2020, prestasi jualan runcit di Negara Brunei Darussalam telah terus menunjukkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 1.6 peratus, selepas peningkatan sebanyak 5.8 peratus (disemak dari 4.3 peratus) pada suku pertama (Q1) 2020. Jumlah nilai jualan runcit pada Q2 2020 adalah dianggarkan bernilai sebanyak BND423.7 juta.
2. Peningkatan jualan runcit adalah didorong oleh kenaikan permintaan domestik bagi barangan tertentu berikutan beberapa langkah yang dilaksanakan disebabkan oleh situasi jangkitan COVID-19 di negara ini seperti pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (on-line) semasa penutupan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian, bertugas dari rumah (work from home) dan sekatan keluar negeri. Jualan Peralatan Komputer & Telekomunikasi telah meningkat sebanyak 59.0 peratus, manakala Gedung Serbaneka dan Pasaraya yang merupakan dua aktiviti terbesar dalam sektor perdagangan runcit telah mencatatkan peningkatan jualan masing-masing sebanyak 7.7 peratus dan 7.3 peratus.
3. Sementara itu, hasil jualan bagi beberapa barangan lain telah menurun, seperti Buku, surat khabar dan alat tulis di kedai khusus (33.8 peratus), Tekstil, pakaian dan kasut (32.4 peratus), Makanan dan minuman di kedai khusus (20.3 peratus) dan Stesyen Minyak (18.2 peratus) disebabkan pengurangan perbelanjaan isirumah bagi barangan tersebut.

4. Berbanding dengan suku pertama (Q1) 2020, hasil jualan runcit telah meningkat sebanyak 4.4 peratus pada Q2 2020 antarlain disebabkan peningkatan jualan bagi Peralatan elektrik dan peralatan pencahayaan isi rumah di kedai khusus (29.5 peratus), Barang Rekreasi (17.4 peratus), Perabot & Peralatan Rumah (17.0) dan Gedung Serbaneka (12.7 peratus).
5. Bagi perkhidmatan makanan & minuman di Negara Brunei Darussalam pada Q2 2020, prestasi jualan perkhidmatan tersebut telah menurun sebanyak 12.4 peratus berbanding Q2 2019. Jumlah hasil perkhidmatan makanan & minuman pada Q2 2020 dianggarkan bernilai sebanyak BND71.1 juta.
6. Penurunan jualan perkhidmatan makanan & minuman adalah disebabkan pendapatan aktiviti Restoran (15.0 peratus) dan Lain-lain aktiviti perkhidmatan makanan (38.3 peratus) yang berkurangan kerana impak daripada larangan perkhidmatan penyajian makanan (*dine-in*) di premis-premis makanan berikutan situasi jangkitan COVID-19 pada Q2 2020.
7. Manakala berbanding dengan Q1 2020, perkhidmatan makanan & minuman juga mencatatkan penurunan sebanyak 16.3 peratus pada Q2 2020. Ini adalah disebabkan penurunan dalam hasil aktiviti Restoran (18.3 peratus), Kedai Makanan Segera (6.6 peratus) dan Lain-lain aktiviti perkhidmatan makanan (36.0 peratus).
8. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan gambaran bagi tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
SECOND QUARTER 2020

BRUNEI DARUSSALAM

1. *In the second quarter (Q2) 2020, retail sales performance in Brunei Darussalam continued to show an increase of 1.6 per cent year-on-year, after increasing by 5.8 per cent (revised from 4.3 per cent) in first quarter (Q1) 2020. The value of retail sales in Q2 2020 was estimated at BND423.7 million.*
2. *The increase in retail sales was driven by the increase in domestic demand for certain goods following several measures implemented due to the COVID-19 outbreak in the country such as online learning and teaching due to the closure of all schools and educational institutions, work-from-home (WHF) arrangements and travel restrictions abroad. The sales of Computer & Telecommunication Equipment increased by 59.0 per cent, while Department Stores and Supermarkets, which are the top two activities in Retail Trade also recorded increases in their sales by 7.7 per cent and 7.3 per cent respectively.*
3. *Meanwhile, declines were recorded for some other goods such as Books, newspapers and stationery in specialized stores (33.8 per cent), Textiles, Wearing apparel & footwear (32.4 per cent), Food and beverages in specialized stores (20.3 per cent) and Petrol Station (18.2 per cent) due to the reduction in household expenses for those goods.*
4. *As compared to the first quarter (Q1) 2020, retail sales has recorded an increase of 4.4 per cent in Q2 2020, among others due to increase in sales of Electrical household appliances and lighting equipment in specialized stores (29.5 per cent), Recreational*

goods (17.4 per cent), Furniture & Household equipment (17.0 per cent) and Department Store (12.7 per cent).

5. *For food & beverage services in Brunei Darussalam in Q2 2020, sales performance of these services has declined by 12.4 per cent compared to Q2 2019. The value of sales for food & beverages services was estimated at BND71.1 million.*
6. *The decrease in sales of food & beverage services was attributed to the decline in income of Restaurants (15.0 per cent) and Other food services activities (38.3 per cent) following the impact of the dine-in ban at all food premises due to the COVID-19 outbreak in Q2 2020.*
7. *Meanwhile compared to Q1 2020, food & beverage services have also recorded a 16.3 per cent decline in Q2 2020. This is due to the decline in revenues of Restaurants (18.3 per cent), Fast Food Outlets (6.6 per cent) and Other food service activities (36.0 per cent).*
8. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*